

30 NOV 2000

Aids-Laporan

LAPORAN MENGENAI HIV/AIDS DILANCARKAN ESOK

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Presiden Yayasan Aids Malaysia Datin Paduka Marina Mahathir akan melancarkan satu laporan mengenai "Hidup bersama HIV/Aids di Malaysia" bersempena Hari Aids Sedunia esok.

Hari istimewa itu, yang diraikan pada 1 Dis setiap tahun, bertujuan mewujudkan kesedaran, penjagaan, rawatan, pendidikan dan pencegahan penyakit itu di kalangan rakyat.

Seorang pegawai Majlis Aids Malaysia memberitahu Bernama di sini hari ini, kajian itu dijalankan sendiri oleh mereka yang dijangkiti HIV/Aids.

Laporan itu, katanya, merupakan satu dokumentasi mengenai diskriminasi dan stigma yang dihadapi mereka yang hidup dengan HIV/Aids di Malaysia.

Satu dokumen Kementerian Kesihatan menunjukkan bahawa dari 1986 sehingga Mei tahun ini, terdapat kira-kira 35,000 kes HIV di negara ini dan 4,016 kes Aids yang telah mengorbankan 3,021 orang.

Dilaporkan bahawa sejumlah 4,200 kes Aids dikesan dari Januari sehingga Jun tahun ini dan 94 peratus daripada mereka yang terbabit terdiri daripada golongan lelaki.

Di Malaysia, jumlah bayi yang dilahirkan dengan jangkitan HIV juga meningkat dari 20 pada 1996 kepada 37 untuk tempoh enam bulan pertama tahun ini.

Kadar HIV/Aids di kalangan golongan muda lelaki di Malaysia dilaporkan meningkat dan adalah dikhuatiri bahawa ia akan seiring dengan trend dunia di mana terdapat lebih ramai lelaki dijangkiti HIV dan mati akibat Aids berbanding kaum wanita.

-- BERNAMA

SM MAM AKD